

Orang beriman sentiasa inginkan kesempurnaan

Firman Allah SWT: *Rasul telah beriman kepada Al Quran yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. Semuanya beriman kepada Allah SWT, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (mereka mengatakan): "Kami tidak membeza-bezakan antara seseorangpun (dengan yang lain) dari rasul-rasul-Nya", dan mereka mengatakan: "Kami dengar dan kami taat." (Mereka berdoa): "Ampunilah kami Ya Tuhan kami dan kepada Engkaulah tempat kembali."* (al-Baqarah: 285)

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

IMAM Muslim meriwayatkan melalui sahabat Nabi, Abu Hurairah r.a. bahawa ketika turunnya ayat 284 sebelum ini, yang menjelaskan Allah SWT akan melakukan perhitungan terhadap apa yang diperbuat oleh manusia, baik oleh anggota tubuhnya mahupun hati, yang terang-terangan mahupun yang tersembunyi, maka sebahagian sahabat mengeluh kepada Rasulullah SAW.

Mereka berkata: "Kami telah dibebani tugas yang tidak mampu kami pikul." Maka Rasulullah SAW bersabda: "Apakah kalian akan berucap seperti Bani Israel, Kami mendengar tetapi kami tidak memperkenankan?" Ucapkanlah, "Kami dengar dan kami taati, ampunilah kami, (Wahai Tuhan Kami) dan kepada Engkaulah tempat kembali".

Allah SWT menyambut permohonan mereka dan turunkan penjelasan atau pembatalan menurut sesetengah tentang apa yang mengusarkan mereka melalui ayat 286 selepas ini, Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya.

Al-Biq'ah menilai ayat ini sebagai penutup surah al-Baqarah yang sangat serasi dengan pembukaannya. Di sana pada pembukaan, diuraikan sifat-sifat orang mukmin yang percaya kepada kitab yang tidak mengandungi sedikit keraguan pun.

Maka di sini pun ia tutup dengan pernyataan percaya pada apa yang diturunkan Allah SWT setelah menjelaskan soal nafkah yang juga merupakan huraian awal surah ini, dalam bentuk yang serasi dan berkait rapat dengan tuntutan perintah dan larangan-Nya, serta pengungkapan

Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

sifat-sifat terpuji bagi hamba-Nya, terutamanya Rasulullah SAW.

Dari sini dapat dilihat, penutup ayat ini membincangkan tentang keimanan Rasul dan pengikut-pengikut baginda berkaitan kitab yang diturunkan kepada baginda dan kitab-kitab sebelumnya serta seluruh Nabi dan Rasul. Ia turut menghuraikan ucapan-ucapan mereka yang menunjukkan ketaatan dan kekhusyukan mereka.

Dalam ayat ini, seakan-akan ada yang bertanya: "Kini berakhir sudah huraian ayat ini, bagaimana sikap orang-orang yang kitab ini diturunkan kepada mereka?" Jawabnya adalah, firman Allah SWT: *Semuanya beriman kepada Allah SWT, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (Mereka mengatakan): "Kami tidak membeza-bezakan antara seseorang pun (dengan yang lain) dari Rasul-rasul-Nya.*

Al-Sonhaji berkata: "Setiap seorang dari mereka percaya akan adanya Allah SWT mentauhidkan-Nya serta tidak menyekutukan Allah. Percaya akan adanya malaikat, percaya kepada semua kitab yang diturunkan dari langit yang merupakan wahyu, yang masuk meresap ke hati para Rasul itu. Tidak seperti ahli kitab yang percaya kepada setengahnya dan ingkar kepada setengah yang lain".

Firman Allah SWT: *Dan mereka mengatakan: "Kami dengar dan kami taat".*

Al-Maraghi berkata: "Mereka (orang yang beriman) berkata, bahawa Rasulullah SAW telah menyampaikan ajaran kepada mereka lalu mereka dengar ajaran itu dengan penuh perhatian, lalu mereka mentaati perintah dan larangan-Nya dengan penuh rasa penuh ketundukan dan penyerahan. Inilah yang mendorong jiwa untuk melakukan perintah Allah SWT dengan jalan yang sebaik-baiknya, kecuali dalam keadaan dihalang oleh sesuatu yang tidak dapat dielakkan".

Orang yang beriman dengan ikhlas akan menghitung kekurangan-kekurangan dirinya sendiri selepas wujudnya rintangan-rintangan yang datang kepada mereka. Mereka hanya inginkan kesempurnaan.

Al-Sonhaji berkata: "Mereka bersedia menerima perintah-perintah yang disampaikan oleh para Rasul dan berikrar mentaatinya tidak menderhakainya. Oleh sebab itu bersegeralah mereka mengamalkannya, kecuali jika dalam keadaan kepayahan

atau berhalang.

"Namun orang yang hatinya tulus ikhlas, enggan berhenti walaupun kepayahan atau berhalangan tetap bercita-cita akan menyempurnakan amalan secukupnya dan jika tidak dapat, mereka menganggap dirinya cuai".

Sebab itulah mereka memohon: "Ampunilah kami Ya Tuhan kami dan kepada Engkaulah tempat kembali".

Al-Sonhaji berkata: "Allah telah memulai surah al-Baqarah ini dengan menyebutkan, bahawa al-Quran itu jangan diragukan, kerana ada mengandungi petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa.

Lalu Allah menjelaskan sifat-sifat mereka dengan pokok keimanan yang mereka pegang. Kemudian Allah SWT menyebutkan pula keadaan orang-orang yang kufur dan ragu-ragu.

"Seterusnya dijelaskan pula beberapa hukum-hukum agama seperti solat, zakat, puasa, haji, talak, ila', haid, jihad dan kisah para Nabi, dan Allah SWT telah menghujah kaum terdahulu yang sesat khususnya kaum yahudi. Maka Allah SWT mengakhiri surah al-Baqarah ini dengan menyebutkan, bahawa pesuruh-Nya iaitu Nabi kita, Muhammad SAW telah beriman dengan apa yang diturunkan-Nya. Begitu pula orang-orang mukmin.

"Kesudahan dari keimanan itu, orang-orang mukmin telah dapat menyucikan jiwa dan hati mereka, tinggi himmah sehingga mencapai puncak ketinggian yang menakjubkan di dunia.

"Misalnya usaha mereka gilang-gemilang, dapat membuka beberapa negeri di dunia ini dengan menggunakan siasatan keadilan dan kebijaksanaan yang tidak dapat dimungkiri sekalipun oleh musuh Islam sendiri.

Iktibar Ayat:

- Wajib beriman dengan apa yang diturunkan kepada Rasul.
- Wajib beriman dengan segala rukun iman.
- Kewajipan taat dan patuh kepada Allah SWT.
- Sifat Allah SWT yang Maha Pengampun.

● DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI ialah pensyarah Jabatan Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia.

Orang yang beriman dengan ikhlas akan menghitung kekurangan-kekurangan dirinya sendiri selepas wujudnya rintangan-rintangan yang datang kepada mereka. Mereka hanya inginkan kesempurnaan

"Sejarah telah mencatat, bahawa dewasa ini manusia sedang dalam lembah kejahilan dan ditindas pula oleh kerajaan-kerajaan besar yang ada pada masa itu.

Tetapi mereka telah dapat diselamatkan oleh orang-orang mukmin dari dibelenggu perhambaan, terlepas dari penjajahan dan kemudiannya dapat menghirup udara kebebasan yang tidak pernah mereka rasakan sebelumnya. Cukuplah Allah SWT menjadi saksi bagi mereka".